



V9 AI Selfie  
Perfect Shot, Perfect View



NOW AT  
\$409

# Dugaan apabila diberitahu peluang bayi hidup hanya 2%...

Kini cecah 7 bulan, si comel yang lahir dengan masalah kurangnya pertumbuhan tisu otak perlukan perhatian penuh

Aug 04, 2018 | 05:30 AM

SITI AISYAH NORDIN (/authors/siti-aisyah-nordin)

[f](#) [0](#) [\(/#twitter\)](#) [\(/#whatsapp\)](#) [\(http://www.addtoany.com/email\)](#)  
[Kongsi](#)  
[\(/#facebook\)](#)



**PENUH KASIH SAYANG:** Cik Nur Kamalia terpaksa memberikan susu melalui tiub kerana Shafeequl tidak dapat menelan air dengan sendirinya. - Foto BH oleh GAVIN FOO

HATI ibu mana yang tidak robek apabila diberitahu bahawa peluang anak yang dikandung untuk hidup hanya 2 peratus.

Bukan itu sahaja, malah, jika bayi tersebut selamat dilahirkan, ia dijangka hidup hanya tiga bulan dan mungkin tidak dapat melihat, bercakap, mendengar atau berjalan.

Iklan ditutup oleh Google

Laporkan iklan ini

Mengapa iklan ini? ⓘ

with Dyson

Shop now



Semasa mengandung lima bulan, Cik Nur Kamalia diberitahu oleh doktor bahawa bayinya menghidap hydrancephaly - sejenis penyakit yang mengakibatkan kurangnya pertumbuhan tisu otak.

Kepala bayi yang mengalami masalah tersebut biasanya kelihatan lebih besar disebabkan cecair yang memenuhi ruang otak.

Berhadapan segala dugaan itu, Cik Kamalia, 34 tahun, dan suaminya, Encik Muhammad Rashid Rahom, 35 tahun memutuskan untuk berserah dan meneruskan kandungannya itu.

Kini, Muhammad Shahfeeul Aerial berusia tujuh bulan dan menurut Cik Kamalia, dia boleh melihat, mendengar dan bersuara.

"Memang pada mulanya amat terkejut kerana dalam keluarga kami tidak pernah ada masalah ini, saya juga tidak mengalami masalah ini apabila mengandungkan anak- anak saya yang lain.

"Tapi kami tidak sampai hati nak gugurkan kerana kami anggap dia amanah Tuhan. Saya juga dapat merasakan bahawa dia akan hidup," kata suri rumah itu.

Shahfeeul terpaksa dibedah keluar pada 23 Januari lalu kerana doktor mengesahkan bahawa kepala dia terlalu besar dan mungkin menjejaskan kesihatan si ibu.

Sejurus selepas dilahirkan, dia terpaksa menjalani pembedahan untuk mengeluarkan cecair dalam otaknya, dan telah menjalani dua pembedahan lain sejak Februari.

"Selepas dia menjalani pembedahan pertama itu dia terpaksa kekal di hospital selama tiga minggu sementara saya dibenarkan pulang. Tapi setiap kali telefon berdering, kami menjadi kelam-kabut kerana sepanjang tempoh itu, pernafasannya telah berhenti sebanyak lapan kali," ujar Cik Kamalia sambil mengesat air mata yang mengalir, mengenang kembali detik- detik yang menggerunkan itu.

Menurut beliau, disebabkan keadaan anaknya itu, ada kalanya dia akan 'terlupa' bernafas.

"Memang baru-baru ini pun ada berlaku juga di rumah, dia tidak bernafas dan kita akan tepuk- tepuk dia supaya dia 'tersedar' untuk bernafas seperti biasa.

"Tapi doktor sudah beri amaran, kalau satu hari dia masih tak bernafas selepas kami tepuk dia, dah tak boleh buat apa-apa lagi," katanya sambil merenung anak yang didukungnya.

Encik Rashid, yang bekerja sebagai seorang pembuat roti perata di kedai makan berdekatan rumahnya, berkata bahawa ada kalanya Shahfeeul menarik perhatian segelintir orang awam apabila mereka keluar bersiar.

"Ini memang sudah rezeki kami, kita tak perlu rasa malu. Jadi apabila mereka bertanya, kami hanya cuba terangkan keadaannya," katanya.

Beliau dan isteri turut berkongsi rasa positif mereka terhadap perkembangan Shahfeeul.

Menurut Cik Kamalia, empat anaknya yang lain yang berusia antara lima dengan 13 tahun turut membantu menjaga adik mereka itu.

Ditanya tentang harapan beliau terhadap anaknya, Encik Rashid hanya berkata: "Kami sekadar berharap Tuhan dapat pinjamkan dia lebih lama kepada kami... buat masa sekarang kami 'terpilih' untuk menjaganya, dan ini amanah yang akan kami usaha jalankan sebaik mungkin."

Demi memberi sokongan kepada Shahfeeul dan juga ibu bapanya, badan amal HCA Hospice Care (HCA) telah membantu menghantar jururawat ke rumah mereka setiap beberapa minggu untuk memeriksa keadaan Shahfeeul.

Khidmat itu disediakan secara percuma.

Menurut Pengarah Perubatan di HCA, Dr Chong Pong Heng, disebabkan keadaannya, bayi itu tidak menjalani proses pertumbuhan yang sama seperti bayi lain sebaya dengannya, terutama sekali dari segi pergerakan.

"Proses pertumbuhan lebih lambat dan dia mungkin menghadapi pelbagai masalah kesihatan pada masa hadapan.

"Selain penjagaan seperti bayi biasa dia juga perlu menggunakan tiub untuk diberi susu atau makan ubat," katanya.

Menurut Dr Chong, masalah kesihatan Shahfeeul merupakan sesuatu yang tidak boleh diubahi.

Katanya: "Masa hadapannya masih tak menentu buat masa sekarang, tapi kita harapkan yang terbaik."

Keluarga Shahfeeul merupakan di antara 40 keluarga pesakit di HCA yang berpeluang bergambar secara profesional di acara Pameran Foto Keluarga - Edisi Hari Kebangsaan yang diadakan hari ini.

Ia bertujuan menyediakan wadah untuk meluangkan masa bersama dan memberikan mereka sesuatu untuk dikenang bersama keluarga mereka.

**"Memang baru-baru ini pun ada berlaku juga di rumah, dia tidak bernafas dan kita akan tepuk-tepuk dia supaya dia 'tersedar' untuk bernafas seperti biasa. Tapi doktor sudah beri amaran, kalau satu hari dia masih tak bernafas selepas kami tepuk dia, dah tak boleh buat apa-apa lagi."**

- Cik Nur Kamalia, mengenai pernafasan bayinya yang boleh 'berhenti' pada bila-bila masa.

[f](#) 0 ([#twitter](#)) ([#whatsapp](#)) (<https://www.addtoany.com/share?url=http%3A%2F%2Fwww.beritaharian.sg%2Fsetempat%2Fdugaan-apabila-diberitahu-peluang-bayi-hidup-hanya-2%25...>)  
[news POST](#) Beli artikel untuk terbitan semula.  
[newsmine](#) Beli artikel untuk disimpan sebagai kenangan.  
[https://newslink.sg/ips/NewsPostEnquiryRequest.action?publication=BH&date=08/04/2018&title=Dugaan apabila diberitahu peluang bayi hidup hanya 2%...](https://newslink.sg/ips/NewsPostEnquiryRequest.action?publication=BH&date=08/04/2018&title=Dugaan%20apabila%20diberitahu%20peluang%20bayi%20hidup%20hanya%202%25...)  
[https://eventreg.sphdigital.com/register/newsmine?publication=BH&date=08/04/2018&title=Dugaan apabila diberitahu peluang bayi hidup hanya 2%...](https://eventreg.sphdigital.com/register/newsmine?publication=BH&date=08/04/2018&title=Dugaan%20apabila%20diberitahu%20peluang%20bayi%20hidup%20hanya%202%25...)

[bayi \(/tags/bayi\)](#)

[penyakit \(/tags/penyakit\)](#)

## RELATED STORIES



[\(/setempat/doa-dan-ikhtiar-ibu-untuk-anak\)](/setempat/doa-dan-ikhtiar-ibu-untuk-anak)

[Doa dan ikhtiar ibu untuk anak \(/setempat/doa-dan-ikhtiar-ibu-untuk-anak\)](/setempat/doa-dan-ikhtiar-ibu-untuk-anak)

Aug 04, 2018 | 05:30 AM



[\(/dunia/bayi-jepun-berambut-lebat-curi-perhatian-orang-ramai-di-instagram\)](/dunia/bayi-jepun-berambut-lebat-curi-perhatian-orang-ramai-di-instagram)

[Bayi Jepun berambut lebat curi perhatian orang ramai di Instagram \(/dunia/bayi-jepun-berambut-lebat-curi-perhatian-orang-ramai-di-instagram\)](/dunia/bayi-jepun-berambut-lebat-curi-perhatian-orang-ramai-di-instagram)

Jul 28, 2018 | 07:49 PM

[Unicef: Kadar kematian bayi baru lahir tinggi di negara termiskin dunia \(/dunia/unicef-kadar-kematian-bayi-baru-lahir-tinggi-di-negara-termiskin-dunia\)](/dunia/unicef-kadar-kematian-bayi-baru-lahir-tinggi-di-negara-termiskin-dunia)

Feb 21, 2018 | 05:30 AM



[\(/setempat/bayi-pertama-tahun-baru-0\)](/setempat/bayi-pertama-tahun-baru-0)

[Bayi pertama Tahun Baru \(/setempat/bayi-pertama-tahun-baru-0\)](/setempat/bayi-pertama-tahun-baru-0)

Jan 02, 2018 | 05:30 AM

## Juga di BeritaHarian